



( 3 ) HBM/1/1(i)  
26 September 2012

Semua Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman  
Mahkamah Tinggi Malaya

Semua Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya  
Semenanjung Malaysia

Tuan/Puan,

**PEKELILING HAKIM BESAR MALAYA BIL. 2/2012  
PENYEDIAAN LAPORAN DI BAWAH SEKSYEN 281 KANUN TATACARA  
JENAYAH**


Sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 281 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ), Hakim Mahkamah Tinggi yang membicarakan kes-kes kesalahan jenayah yang melibatkan hukuman mati dan telah menjatuhkan hukuman mati hendaklah menyediakan laporan bagi tujuan pelaksanaan hukuman mati tersebut. Walaubagaimanapun, saya mendapati sejak akhir-akhir ini kehendak di bawah peruntukan seksyen 281 KTJ tersebut tidak dipatuhi oleh Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi.

2. Sehubungan dengan itu, semua Yang Arif Hakim adalah diarahkan untuk mematuhi peruntukan seksyen 281 KTJ tersebut dengan menyediakan laporan dalam tempoh **dua (2) bulan** selepas sesuatu hukuman mati dijatuhkan. Laporan tersebut hendaklah ditandatangani oleh Yang Arif Hakim berkenaan dan hendaklah antara lainnya menyatakan pendapat Yang Arif Hakim samada terdapat alasan-alasan mengapa pelaksanaan hukuman mati tersebut patut dijalankan atau sebaliknya.

3. Bagi memudahkan penyediaan laporan tersebut, Yang Arif Hakim bolehlah menggunakan format seperti mana di **Lampiran A**. Format tersebut adalah sebagai panduan sahaja dan bolehlah dibuat sebarang modifikasi mengikut kesesuaian.
4. Laporan yang telah disediakan hendaklah dimasukkan di dalam sampul yang dimeterai dan diserahkan kepada Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah berkenaan untuk disimpan di dalam peti besi.
5. Sekiranya tiada sebarang rayuan dibuat oleh tertuduh dan tempoh rayuan telah tamat, Yang Arif Hakim hendaklah dalam tempoh **dua (2) bulan** dari tamat tempoh rayuan menghantar laporan tersebut berserta nota keterangan kes kepada Menteri Besar negeri yang mana kesalahan tersebut dilakukan.
6. Bagi kes yang dirayu ke Mahkamah Rayuan, Yang Arif Hakim hendaklah dalam tempoh **dua (2) minggu** selepas Mahkamah Rayuan memutuskan rayuan, menghantar laporan tersebut ke Mahkamah Persekutuan jika terdapat rayuan ke Mahkamah Persekutuan atas keputusan Mahkamah Rayuan.
7. Dalam keadaan tiada rayuan dibuat ke Mahkamah Persekutuan, laporan tersebut hendaklah dihantar ke Mahkamah Rayuan dalam tempoh **dua (2) minggu** selepas keputusan Mahkamah Rayuan.
8. Arahan ini adalah bertujuan untuk mengelakkan kesukaran bagi mendapatkan laporan di bawah seksyen 281 KTJ apabila seseorang Hakim itu telah berpindah atau bersara semasa rayuan sesuatu kes itu diputuskan di Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan. Ianya juga bagi mengelak dari berlakunya kelewatan penghantaran laporan tersebut kepada pihak Menteri Besar setelah rayuan diputuskan.

9. Arahan ini berkuatkuasa serta merta dan Pekeliling Hakim Besar Malaya No. 1/1993 adalah dengan ini dibatalkan.

Sekian, terima kasih.



**(TAN SRI DATO' SERI ZULKEFLI BIN AHMAD MAKINUDIN)**

Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman, Putrajaya.

s.k.

1. YAA Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Putrajaya.
2. YAA Presiden Mahkamah Rayuan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Putrajaya.
3. YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Tinggi Kuching  
Jalan Gersik, Petrajaya  
Kuching, Sarawak.
4. Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Putrajaya.
5. Pendaftar Mahkamah Rayuan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Putrajaya.
6. Pustakawan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Putrajaya



**LAMPIRAN 'A'**

**SULIT**

**FORMAT LAPORAN DI BAWAH SEKSYEN 281 KANUN TATACARA JENAYAH  
(MAHKAMAH TINGGI)**

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI \_\_\_\_\_ PERBICARAAN  
JENAYAH NO: \_\_\_\_\_**

**PENDAKWA RAYA**

**LAWAN**

**(NAMA TERTUDUH)**

**LAPORAN DI BAWAH SEKSYEN 281 KANUN TATACARA JENAYAH**

- 1. RINGKASAN PERTUDUHAN**
- 2. RINGKASAN FAKTA KES**
- 3. KEPUTUSAN MAHKAMAH TINGGI & RINGKASAN PENEMUAN FAKTA  
(BRIEF FINDING OF FACTS)**
- 4. PENDAPAT HAKIM MAHKAMAH TINGGI SAMA ADA HUKUMAN MATI  
PATUT ATAU TIDAK PATUT DILAKSANAKAN & ALASAN-ALASAN**

**TANDATANGAN HAKIM MAHKAMAH TINGGI**

**NAMA & JAWATAN HAKIM**

**TARIKH KEPUTUSAN :**

**TARIKH LAPORAN DISEDIAKAN :**

**SULIT**